

HUBUNGAN ANTARA DIMENSI PENYESUAIAN DIRI DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR POLITEKNIK

MOHD EFFENDI @ EWAN MOHD MATORE & AHMAD ZAMRI KHAIRANI

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan meneliti hubungan antara dimensi penyesuaian diri dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) berpandukan kepada Model Penyesuaian Baker & Siryk (1984). Seramai 136 responden telah dipilih secara teknik pensampelan mudah bagi memenuhi keperluan kajian. Responden terdiri daripada pelajar baharu semester dua bagi program kejuruteraan. Instrumen Student Adaptation College Questionnaire (SACQ) telah digunakan bagi melihat item – item mengenai empat dimensi penyesuaian iaitu penyesuaian akademik (PA), penyesuaian sosial (PS), penyesuaian peribadi-emosi (PEP) dan komitmen matlamat/perapatan institusi (KMPI). Dapatan kajian menunjukkan bahawa PA dan KMPI mencatatkan tahap penyesuaian diri yang baik manakala PEP dan PS hanya mencatatkan tahap sederhana. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan kekuatan korelasi yang sangat kuat bagi dimensi PA ($r = .945$, $p = .000$) terhadap pencapaian akademik. Dimensi lain seperti PS ($r = .750$, $p = .000$) dan KMPI ($r = .835$, $p = .000$) telah menunjukkan kekuatan korelasi pada tahap kuat. Elemen PPE ($r = .655$, $p = .000$) didapati hanya memiliki kekuatan korelasi yang sederhana dengan pencapaian akademik. Pengukuhan dimensi penyesuaian diri amat perlu diberikan perhatian oleh pihak kaunselor dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar politeknik di Malaysia. Kajian lanjut dicadangkan melalui pembinaan modul penyesuaian diri bagi pelajar baharu di politeknik dapat dibina bagi memberi peluang kepada usaha memperkasakan pembangunan diri yang lebih teguh.

Kata Kunci: Penyesuaian Akademik (PA), Penyesuaian Sosial (PS), Penyesuaian Peribadi-Emosi (PEP), Komitmen Matlamat/Perapatan Institusi (KMPI) dan Pencapaian Akademik.

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the relationship between self-adaptation dimension and academic achievements among students at Sultan Azlan Shah Polytechnic (PSAS) based on Baker & Siryk Adaptation Model (1984). A total of 136 respondents were selected by convenience sampling techniques to meet the needs of the study. Respondents comprise of new second semester students of the engineering programme. The Student Adaptation College Questionnaire (SACQ) instrument was used to look at items on the four dimensions of adaptation, namely academic adaptation (PA), social adaptation (PS), personal-emotional adaptation (PEP) and institutional commitment/attachment adaptation (KMPI). The findings show that PA and KMPI have a good level of adaptation while PEP and PS only

achieved a moderate level. In addition, the findings show a very strong correlation strength for PA Dimension ($r = .945, p = .000$) on academic achievements. Other dimensions such as PS ($r = .750, p = .000$) and KMPI ($r = .835, p = .000$) have shown a strong correlation strength. PPE elements ($r = .655, p = .000$) was found to have only moderate correlation strength with academic achievement.. Strengthening the self-adaptation dimension should be taken seriously by the counselor in an effort to improve the academic achievement of the polytechnic students in Malaysia. Further studies are proposed by developing self-adaptation modules for new students in polytechnics to provide opportunities for greater empowerment of self-development.

Keywords: Academic Adaptation (PA), Social adaptation (PS), Personal-Emotional adaptation (PEP), Institutional Adaptation (KMPI) and Academic Achievement.

PENGENALAN

Perubahan pada masa kini berlaku dalam masa yang pantas. Cabaran ini menuntut pelajar untuk menyesuaikan diri daripada pelbagai aspek. Cabaran selalu dikaitkan dengan penderitaan atau masalah yang dialami seseorang. Cabaran bermaksud kesulitan, ketidakberuntungan, bencana, punca tekanan, kesedihan, kesengsaraan dan kesusahan (Cura & Gozum, 2011). Terdapat dua jenis cabaran yang dinyatakan oleh Stoltz dan Weihenmayer (2010) iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran ini meliputi pelbagai aspek kehidupan dan tidak terhad dalam bidang pendidikan sahaja. Cabaran atau masalah yang dihadapi oleh pelajar perlu diatasi oleh kebolehan penyesuaian diri oleh pelajar. Penyesuaian diri amat diperlukan sekiranya Malaysia mahu menghasilkan pelajar yang berdaya tahan dan bijak mengendalikan cabaran dalam kehidupan dan pekerjaan.

Salah satu golongan sasaran yang sangat memerlukan penyesuaian diri adalah pelajar bidang teknikal dan vokasional. Persaingan global pada masa kini semakin mencabar, di mana kemajuan teknologi yang semakin pesat dan cabaran isu semasa menuntut Pendidikan Teknik Vokasional melatih tenaga manusia menjadi lebih berketerampilan, berinovasi, berdaya tahan, berdaya juang dan boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi industri dan pekerjaan. Maka, kerajaan sememangnya memerlukan sistem pendidikan yang mampu membina kekuatan modal insan dalam pelbagai bidang dan memperbaiki tahap daya saing dan pembangunan negara (Nik Mustapha, 2007). Ini kerana Pendidikan Teknik dan Vokasional bertanggungjawab secara langsung dalam pembangunan tenaga manusia yang berkualiti dan mampu bersaing secara global. Berdasarkan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara, Transformasi Politeknik diperkenalkan bertujuan untuk menghasilkan modal insan dengan mentaliti kelas pertama, selain kemampuan untuk bersaing di pasaran global (Jabatan Pengajian Politeknik, 2013).

Politeknik diasaskan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja separa profesional dalam bidang kejuruteraan, perdagangan (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012). Transformasi politeknik menyasarkan untuk memperbaiki kemahiran

tinggi bagi tenaga kerja daripada 23 kepada 37 peratus pada tahun 2015 (Jabatan Pengajian Politeknik, 2009, 2013). Agenda utama kepada transformasi ini adalah untuk membangunkan modal insan yang boleh dipasarkan kepada Negara luar bagi memenuhi keperluan pembangunan negara pada tahun 2020, selain bertujuan menghasilkan tenaga baru di politeknik (Sahul Hamed, Mohd Amin, dan Mohd Ali, 2010). Dalam usaha untuk menghasilkan pelajar yang berkemampuan tinggi dalam menghadapi cabaran, terdapat keperluan untuk mengetahui sama ada sejauhmanakah pelajar di politeknik dapat menyesuaikan diri di politeknik, serta adakah penyesuaian diri mereka mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara dimensi penyesuaian diri dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) berpanduan kepada Model Penyesuaian Baker & Siryk (1984). Penyesuaian diri di sini bermaksud penyesuaian akademik (PA), penyesuaian sosial (PS), penyesuaian peribadi-emosi (PEP) dan komitmen matlamat/perapatan institusi (KMPI).

KAJIAN LITERATUR

Beberapa pengkaji sebelum ini telah menjalankan kajian untuk mengenalpasti cabaran pelajar politeknik seperti cabaran dalaman dan luaran seperti masalah rakan sebaya, bebanan tugas yang terlalu banyak, kesuntukan masa untuk menyiapkan tugas, tidak mempunyai tempat belajar yang selesa, suasana bising semasa kuliah, keadaan bilik kuliah yang agak sempit dan kurang selesa, diberikan tugas-tugas lain serta penggunaan Bahasa Inggeris dalam proses pembelajaran (Abd. Rahman Yaacob, Ros Aini Ibrahim, Majdi @ Abd Hadi Ishak, & Rashdan Rashid, 2011), masalah penguasaan Bahasa Inggeris (Azahar Fauzi, Mohd Zain Abdul Rahim, & Mohd Azriman Mat Ali, 2009; GK Mariappen, Kanammah Manukaram, Rajiv Raj Pusparaju, & Rajesvari Ramasamy, 2012; Sanmugam, Rajanthran, & Nurul Wahida Zainol, 2012), kos sara hidup, pengangkutan, hubungan kejiiran, pergaulan bebas serta pengurusan masa yang tidak baik (Jamaluddin et al., 2009). Cabaran yang terdapat di politeknik termasuklah tahap kepuasan pelajar di bilik kuliah, dewan kuliah, makmal, bengkel, perpustakaan, perkhidmatan di hal ehwal pelajar, perkhidmatan di pejabat pentadbiran, kurikulum, kantin dan kafeteria (Noremy & Fadilah, 2010), faktor pengurusan masa, kewangan dan persekitaran pembelajaran (Siti Nur Haziratul, 2012), kekurangan pendedahan kepada teknologi baru, keupayaan meneroka pengetahuan baru, kekurangan peralatan dan kelengkapan untuk kerja – kerja amali (Yahya, Muhammad Sukri & Hairul Anuar, 2008), kemudahan perkhidmatan bas yang sangat terhad, tidak sistematik, tidak selesa serta jadual masa perkhidmatan awam yang tidak menentu (Zainap, Normah, dan Canarisa, 2012).

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Mohd Effendi Mohd Matore dan Ahmad Zamri Khairani (2014) yang mendapati bahawa ketakutan pelajar untuk gagal

dalam ujian dan kebimbangan terhadap peperiksaan adalah cabaran bagi pelajar di tujuh buah politeknik. Kajian oleh Mohd Effendi dan Ahmad Zamri (2015) pula mendapati bahawa cabaran lain yang menghantui pelajar politeknik adalah cabaran Bahasa Inggeris, pengangkutan dan teknologi maklumat/komputer. Jika pelajar tidak bijak mengendalikan cabaran dengan betul, ia boleh memberi kesan kepada prestasi seseorang individu. Dalam konteks pendidikan, prestasi bagi seseorang pelajar yang selalu diperkatakan adalah pencapaian akademik. Penyesuaian diri adalah aspek terpenting dalam mempengaruhi pencapaian akademik. Pelajar yang banyak menghadapi masalah penyesuaian didapati cenderung memperoleh pencapaian akademik yang rendah sekaligus mungkin menyebabkan mereka diberhentikan daripada institusi pengajian (Maria, Habibah, Rahil Mahyuddin, & Jegak, 2009). Justeru, terdapat jurang kajian iaitu sama ada wujud hubungan antara penyesuaian diri dengan pencapaian akademik pelajar di politeknik.

Kajian lepas tentang masalah penyesuaian diri telah banyak dilakukan pengkaji lepas (Maria et al. 2009; Naeeni et al. 2015; Nasrudin et al. 2011; Credé & Niehorster 2012; Wu, Garza, & Guzman, 2015; Yang, Salzman, & Yang, 2015; Al-Qaisy, 2010; Raju dan Rahamtulla, 2007; Al-Khatib, Awamleh, & Samawi, 2012; Barnes, 2010; Azar & Reshadatjoo, 2015). Namun begitu, literatur masih menunjukkan jurang dalam kajian empirikal yang menguji hubungan dimensi penyesuaian diri pelajar baharu terhadap pencapaian akademik. Kajian ini amat penting bagi memberikan pemahaman tentang perkaitan dan interaksi antara pembolehubah berkaitan. Sorotan kajian sebelum ini juga lebih bertumpu terhadap konteks pelajar baharu sahaja di institusi pendidikan seperti kajian (Almoallim et al. 2010; Wangeri, Kimani, dan Mutweleli, 2012; Barnes, 2010; Azar & Reshadatjoo, 2015; Lubker & Etzel, 2007; Maria et al. 2009; Nasrudin et al. 2011; Mudhovozi, 2012).

Kajian – kajian lepas menunjukkan bahawa amat kurang kajian yang berfokuskan kepada pelajar baharu dalam konteks politeknik, yang mana mereka juga berasal daripada pelbagai latar belakang dan permasalahan mahupun cabaran yang sama dengan pelajar di universiti dan kolej. Kajian dalam konteks berbeza amat perlu dan sangat relevan bagi menguji keputusan yang diperolehi sebelum ini adalah konsisten atau sebaliknya. Justeru, sebagai langkah untuk menyumbang kepada dapatan empirikal bagi model penyesuaian diri, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan dimensi penyesuaian diri (penyesuaian akademik, sosial, peribadi – emosi dan perapatan) terhadap pencapaian akademik bagi pelajar baharu di politeknik.

Penyesuaian merujuk kepada satu proses dinamik yang menuju ke arah pencapaian dengan kesepadanan yang sesuai antara seorang individu dengan persekitarannya. Bagi pelajar, tempoh peralihan ke universiti mewakili perpindahan daripada cara hidup dan norma yang berhubung dengan pengalaman lepas (Ramsay, Jones & Barker, 2007). Oleh itu, penyesuaian kepada kehidupan di sesebuah kolej atau universiti adalah satu proses yang mencabar bagi kebanyakan pelajar.

Dimensi pertama iaitu Penyesuaian akademik (PA) bermaksud sejauhmana pelajar dapat memenuhi keperluan motivasi (sikap dan motivasi terhadap matlamat dan tugas akademik), aplikasi (sejauh mana motivasi ditunjukkan dalam usaha akademik pelajar), prestasi (keberkesanan fungsi akademik), dan persekitaran akademik (kepuasan terhadap persekitaran akademik di politeknik). Penyesuaian sosial (PS) bermaksud penglibatan dalam aktiviti sosial, hubungan dengan orang lain di kampus, hubungan dengan ahli keluarga setelah berjauhan dengan mereka dan kepuasan terhadap persekitaran sosial merangkumi asrama dan ko kurikulum.

Penyesuaian peribadi – emosi (PPE) bermakna sejauhmana pelajar berhadapan dengan tuntutan daripada aspek psikologi dan fizikal. Aspek psikologi merangkumi kestabilan emosi, pengawalan perasaan dan fikiran, tekanan dan kebimbangan. Aspek fizikal merangkumi kecergasan fizikal, waktu tidur, selera makan dan keadaan berat badan. Komitmen matlamat/perapatan institusi (KMPI) didefinisikan sebagai kepuasan pelajar terhadap pendidikan umum dan politeknik tempat pelajar belajar secara khusus. Ia dinilai berdasarkan komitmen pelajar terhadap matlamat pendidikan dan institusi serta kualiti hubungan antara pelajar dengan politeknik. Jadual 1.0 menunjukkan aspek dimensi model penyesuaian oleh Baker dan Siryk (1984) yang mengemukakan empat dimensi penyesuaian seharusnya dilalui pelajar iaitu Penyesuaian Akademik, Penyesuaian Sosial, Penyesuaian Peribadi – Emosi Dan Komitmen Matlamat/Perapatan Institusi.

Jadual 1: Aspek Dimensi Penyesuaian Baker & Syrik (1984)

Dimensi Penyesuaian		Aspek Penyesuaian
Penyesuaian Akademik (PA)	Motivasi	Sikap dan motivasi terhadap matlamat dan tugas akademik
	Aplikasi	Motivasi terhadap akademik dan kejayaan pelajar memenuhi tugas akademik
	Prestasi	Kejayaan dalam akademik dan keberkesanan fungsi akademik
	Persekitaran akademik	Tahap kepuasan terhadap persekitaran akademik institusi
Penyesuaian Sosial (PS)	Umum	Fungsi dan kejayaan dalam aktiviti sosial
	Penglibatan dengan orang lain	Penglibatan dan hubungan dengan orang lain di kampus
	Nostalgia	Berhadapan dengan keadaan berjauhan dengan keluarga dan ahli keluarga yang penting
	Persekitaran sosial	Tahap kepuasan terhadap persekitaran sosial di kampus
Penyesuaian Peribadi – Emosi (PPE)	Psikologi	Kesejahteraan psikologi
	Fizikal	Kesejahteraan fizikal
Komitmen Matlamat/ Perapatan Institusi (KMPI)	Umum	Perasaan dan kepuasan terhadap institusi/pendidikan secara umum
	Khusus	Perasaan dan kepuasan responden terhadap institusi

METODOLOGI

Rekabentuk kajian

Strategi utama kajian ini adalah untuk meninjau tahap penyesuaian diri pelajar mengikut Model Penyesuaian Baker dan Siryk (1984) dan mengkaji hubungan serta peranan dimensi model tersebut dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar baharu di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Pendekatan kajian yang digunakan adalah melalui pendekatan kuantitatif sepenuhnya. Rekabentuk kajian ini adalah secara tinjauan menggunakan soal selidik. Rekabentuk ini sesuai kerana kajian yang mempunyai objektif untuk mengukur hubungan penyesuaian diri pelajar baharu dengan pencapaian akademik. Teknik kajian yang digunakan adalah melalui pengedaran soal selidik kepada pelajar dan ditadbir menggunakan kertas dan pen/pensil.

Pensampelan Kajian

Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar baharu di Politeknik Sultan Azlan Shah, (PSAS) Perak yang berada dalam semester dua bagi sesi Jun 2012. Kajian melibatkan tiga setting berbeza dalam program kejuruteraan iaitu setting kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan kejuruteraan awam bagi pelajar semester kedua sesi Jun 2012. Pelajar yang dikatakan baharu adalah menurut definisi yang dikemukakan dalam kajian lepas seperti Maria *et al.* (2006) dan Al-Qaisy (2010) yang mengambil pelajar di semester kedua sebagai responden kajian mereka. Teknik pensampelan yang digunakan adalah pensampelan mudah (convenience sampling) disebabkan keperluan memilih sampel yang mahu memberikan kerjasama baik, mudah diakses dan sukarela (Cohen, Manion, & Morrison, 2011).

Pengkaji menghubungi beberapa pensyarah untuk membantu mengedar instrumen soal selidik kepada para pelajar. Saiz sampel yang dikaji adalah seramai 136 orang iaitu 60 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam, 45 pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan 31 pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Pembolehubah kajian ini adalah penyesuaian diri (pembolehubah tidak bersandar) dan pencapaian akademik (pembolehubah bebas). Pencapaian akademik pelajar diukur daripada Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pelajar pada semester pertama memandangkan mereka kini adalah di semester kedua.

Instrumentasi kajian

Instrumen kajian ini merupakan instrumen yang mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian maklumat demografi dan bahagian pengukuran penyesuaian diri pelajar. Bahagian A menumpukan kepada maklumat gender, status tempat kelahiran dan pencapaian akademik (PNGK). Bahagian B pula merupakan instrumen Student Adaptation College Questionnaire (SACQ) yang mempunyai 67 item (Baker & Siryk, 1989). Penggunaan SACQ sememangnya popular dengan penggunaannya dalam pelbagai jenis kajian penyesuaian (Credé & Niehorster, 2012; Ramler *et al.* 2015; Lubker & Etzel, 2007; Azar & Reshadatjoo, 2015; Nasrudin *et al.* 2011; Maria *et al.* 2009; Al-Khatib, Awamleh & Samawi, 2012).

Sebanyak 24 item mewakili penyesuaian akademik, 20 item mewakili penyesuaian sosial, 15 item mewakili penyesuaian peribadi emosi dan 15 item lagi mewakili Komitmen matlamat/perapatan institusi. Terdapat 9 item yang dikongsi bersama dengan konstruk lain. Dua item lagi ditambah untuk mewakili penyesuaian diri keseluruhan. Maka jumlah keseluruhan item binaan adalah sebanyak 67 item bagi SACQ. Kebolehppercayaan bagi instrumen SACQ pula adalah tinggi iaitu 0.941 dan kesahan gagasan adalah baik dengan empat gagasan iaitu penyesuaian akademik, penyesuaian sosial, penyesuaian peribadi – emosi dan perapatan (Nasrudin *et al.* 2011). Malah, kebolehppercayaan melalui kajian rintis juga mencatat nilai sebanyak 0.943 dengan tiada sebarang item digugurkan.

Analisis Data

Analisis data bagi kajian ini adalah menggunakan program SPSS versi 19.0. Ujian skor min, ujian t dan korelasi diguna pakai pada kajian ini. Setiap item merupakan satu kenyataan yang dijawab dengan menggunakan skala likert lima poin berbanding sembilan poin daripada instrumen asal. Perubahan skala bertujuan memudahkan responden yang sudah biasa dengan skala Likert 5 mata. Dalam membuat penilaian skor min, penulis telah mengguna pakai interpretasi yang digunakan oleh Mohamad Najib (2009) dan iaitu 1.00 hingga 2.33 (tahap rendah), 2.34 hingga 3.66 (tahap sederhana) dan 3.67 hingga 5.00 (tahap tinggi). Interpretasi indeks kekuatan korelasi (r) pula adalah berdasarkan skala oleh Rowntree (1981) iaitu 0.9 hingga 1.0 (sangat tinggi/sangat kuat), 0.7 hingga 0.89 (tinggi/kuat), 0.4 hingga 0.69 (sederhana), 0.2 hingga 0.39 (lemah/rendah) dan 0.0 hingga 0.19 (sangat lemah).

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2: Taburan profil demografi responden

Pembolehubah	Kategori	Frekuensi	Peratus
Gender	Lelaki	99	72.8%
	Perempuan	37	27.2%
Status Tempat Kelahiran	Bandar	79	58.1%
	Luar bandar	57	41.9%
Program Pengajian	JKA	60	44.1%
	JKE	45	33.1%
	JKM	31	22.8%

Jadual 2.0 menunjukkan taburan demografi responden. Seramai 136 responden telah terlibat dalam kajian ini. Responden dimonopoli oleh pelajar lelaki memandangkan saiz sampel kajian adalah dalam kalangan pelajar kejuruteraan. Responden yang berasal dari bandar lebih ramai berbanding luar bandar. Pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam mendominasi taburan responden berbanding Kejuruteraan Elektrik dan Mekanikal.

Normaliti data adalah sangat penting untuk memilih ujian statistik yang sesuai. Dalam konteks kajian ini, pengesahan normaliti dilakukan melalui ujian Kolmogorov-smirnov serta kepencongan (*skewness*) dan kurtosis. Ujian Kolmogorov-smirnov di dapati sesuai untuk dipertimbangkan bagi normaliti kerana nilai sampel yang kurang 300 orang (Pallant, 2011). Taburan normaliti menunjukkan dua ujian iaitu Kolmogorov-smirnov dan Shapiro Wilk mempunyai nilai signifikan ($p > .05$), dengan masing – masing mencatat nilai .200 dan .343, membuktikan didapati data bertaburan normal (Chua, 2006; Mohd Rafi, 2013).

Bagi pengujian kepencongan (*skewness*) dan kurtosis, nilai kepencongan sebanyak .106 dan kurtosis mencatat .587 mengukuhkan lagi dapatan bahawa data adalah bertaburan normal. Data adalah bertaburan normal jika nilai kedua – duanya berada dalam julat -2 sehingga +2 (Chua, 2008; Lomax & Hahs-Vaughn, 2012; Garson, 2012). Ia disokong oleh Field (2009) yang menjelaskan bahawa nilai kepencongan dan kurtosis pada julat -1.96 sehingga +1.96 adalah normal jika nilai sampel di bawah 200 orang. Malah, data adalah bertaburan normal jika nilai kurtosis dan kepencongan (*skewness*) berada dalam julat -1 sehingga +1 (Leech, Barrett, & Morgan, 2005). Keseluruhannya, data kajian adalah bertaburan normal. Justeru, ujian statistik yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis Pearson.

Dapatan kajian 1: Apakah tahap penyesuaian diri pelajar baharu mengikut Dimensi dalam Model Penyesuaian Diri Pelajar?

Jadual 3: Skor min bagi penyesuaian diri pelajar baharu (N=136)

Elemen penyesuaian diri	Min	Sisihan Piawai
Penyesuaian Akademik (PA)	3.7129	.43602
Penyesuaian Sosial (PS)	3.4809	.46424
Penyesuaian Peribadi Emosi (PPE)	3.4985	.44710
Komitmen Matlamat dan Perapatan Institusi (KMPI)	3.7539	.52747
Keseluruhan Penyesuaian	3.6137	.40946

Jadual 3.0 menunjukkan bahawa KMPI mencatatkan penyesuaian tertinggi diikuti oleh PA dengan nilai skor min melebihi 3.700 iaitu pada tahap tinggi. Dimensi PS dan PPE pula hanya berada pada tahap sederhana sahaja. Secara keseluruhannya, penyesuaian pelajar politeknik berada pada tahap sederhana iaitu 3.6137.

Dapatan kajian 2: Adakah terdapat perhubungan yang signifikan secara statistik antara empat dimensi penyesuaian diri pelajar baharu dengan pencapaian akademik?

Dapatan di atas menunjukkan kekuatan korelasi yang sangat kuat bagi dimensi PA ($r = .945$, $p = .000$) terhadap pencapaian akademik. Bagi dimensi lain seperti PS (r

=.750, $p=.000$) dan KMPI ($r=.835$, $p=.000$) pula menunjukkan korelasi yang kuat. Hanya elemen PPE ($r=.655$, $p=.000$) sahaja yang memiliki kekuatan korelasi yang sederhana.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, penyesuaian pelajar baharu di PSAS berada pada tahap sederhana. Dapatan ini selari dengan kajian Azar dan Reshadatjoo (2015) yang menyatakan 88 peratus pelajar tahun pertama di Iran mempunyai penyesuaian diri pada tahap yang sederhana. Habibah, Nooreen dan Rahil (2010) juga mendapati tahap penyesuaian kebanyakan pelajar adalah sederhana dalam konteks universiti di Malaysia. Kajian Maria *et al.* (2006, 2009) juga mendapati majoriti pelajar Melayu berada pada tahap sederhana untuk penyesuaian diri di universiti. Kajian oleh Al-Khatib *et al.* (2012) turut menjelaskan pelajar ijazah pertama pelajar di Albalqa Applied Technical University, Amman, Jordan mempunyai penyesuaian diri pada tahap sederhana. Namun dapatan kajian ini berbeza dengan Al-Qaisy (2010) bahawa pelajar baharu tahun pertama di universiti di Jordan mempunyai penyesuaian diri yang rendah.

Ini bermakna bahawa dapatan empirikal kajian selari dengan pernyataan bahawa penyesuaian diri yang sederhana disebabkan oleh pelajar yang memasuki kolej atau universiti selalunya berhadapan dengan cabaran. Pelajar biasanya berasakan bahawa kaedah pengajaran di institusi pengajian tinggi adalah berbeza dengan apa yang mereka lalui di peringkat menengah. Umumnya, mereka berasakan ianya lebih sukar berbanding di peringkat pengajian sekolah menengah dahulu (Azar & Reshadatjoo, 2015). Malahan, kesan kepada perbezaan gaya pengajaran turut menjadi tekanan kepada prestasi akademik pelajar di universiti (Mudhovozi, 2012). Dapatan kajian menunjukkan bahawa KMPI mencatatkan penyesuaian tertinggi, diikuti dengan PA. KMPI merupakan indikator terhadap kualiti hubungan yang terbina antara pelajar dengan institusi (Maria *et al.* 2006).

Dapatan ini selari dengan kajian Azar dan Reshadatjoo (2015) dan Maria *et al.* (2006) yang mendapati pelajar tahun pertama di universiti mencatat penyesuaian tertinggi bagi KMPI. Kajian oleh Al-Khatib *et al.* (2012) juga menunjukkan penyesuaian KMPI adalah paling tinggi bagi pelajar universiti di Jordan. Ini membuktikan bahawa pelajar PSAS telah memenuhi komitmen terhadap diri sendiri dan institusi. Pelajar politeknik didapati mempunyai sikap dan motivasi yang baik terhadap matlamat mereka belajar di politeknik serta menghadapi tugas akademik. Mereka juga didapati berpuas hati dengan persekitaran akademik di politeknik. Ia dinilai berdasarkan komitmen pelajar terhadap matlamat pendidikan dan institusi serta kualiti hubungan antara pelajar dengan politeknik.

Namun begitu, kajian oleh Norhasni dan Affero (2011) menunjukkan bahawa terdapat institusi yang kurang menyediakan maklumat dan sokongan daripada pelbagai peringkat pengajian siswazah, selain kurang menyediakan

informasi tentang pengijazahan, sumber maklumat umum, struktur sokongan kemajuan pengajian, sesi interaktif dalam perpustakaan, pengurusan makluman, penulisan saintifik, penulisan proposal dan aspek metodologi. Kajian oleh Siti Nor Amira, Munira dan Nur Hana (2013) turut mengakui wujudnya masalah dengan pengurusan fakulti. Pelajar dalam kajian ini didapati tidak mempunyai masalah dalam penyesuaian komitmen matlamat dan perapatan dengan politeknik. Ini menunjukkan bahawa tahap penyesuaian diri pelajar PSAS terhadap cabaran – cabaran sebegini adalah sangat baik, di mana cabaran tersebut tidak menjadi penghalang untuk mereka berjaya di institusi pendidikan seperti politeknik. Jadi, pelajar dalam kajian ini didapati berpuas hati dengan politeknik dan ingin kekal meneruskan pengajian.

Bagi PA, kajian ini menunjukkan penyesuaian akademik yang baik ($\text{min} = 3.7129$) dalam kalangan pelajar politeknik selepas penyesuaian KMPI. Kajian Malaklolunthu dan Selan (2011) mendapati pelajar antarabangsa di Malaysia yang mencatatkan penyesuaian terbaik bagi penyesuaian akademik. Terdapat banyak masalah dalam cabaran akademik pelajar antaranya seperti ketakutan gagal dalam pengajian (Babar *et al.* 2015; Sherina, Rampal, & Kaneson, 2003), kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris (Roselind, Shahrina, & Radzuan, 2013; Alavi & Syed, 2011; Naeeni *et al.* 2015; Aldoukalee, 2013; Wenhua & Zhe, 2013; Lu & Short, 2012; Azahar, Mohd Zain, & Mohd Azriman, 2009), persekitaran pembelajaran (Siti Nur Haziratul 2012), kemudahan pembelajaran tidak memuaskan (Abd. Rahman *et al.* 2011), persaingan akademik (Moyer, Salovey, & Casey-Cannon, 1999) serta masalah cara dan kaedah pengajaran (Ghazal, 2012). Penyesuaian yang tinggi menunjukkan bahawa pelajar berjaya menyesuaikan diri dengan cabaran berbentuk akademik di politeknik. Ini disebabkan bahawa masalah persaingan, peperiksaan, bahasa dan corak pengajaran pengajar adalah cabaran yang sama berlaku di peringkat sekolah menengah.

Dalam konteks korelasi yang sangat kuat bagi dimensi PA ($r = .945, p = .000$) terhadap pencapaian akademik, dapatan ini menyokong penjelasan Lent, Taveira, Sheu, dan Singley (2009) yang menyatakan bahawa semakin baik penyesuaian seseorang pelajar terhadap persekitaran akademik, maka pencapaian akademik mereka juga didapati semakin baik. Dapatan ini dikukuhkan dengan kajian lepas oleh Rienties, Beausaert, Grohnert, Niemantsverdriet, dan Kommers (2012) juga membuktikan wujud hubungan yang positif antara penyesuaian akademik dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di Netherlands. Namun, dapatan adalah bertentangan dengan kajian Calaguas (2011) yang mendapati hubungan negatif yang signifikan antara penyesuaian akademik dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di Filipina. Ini bermakna semakin tinggi penyesuaian akademik, maka pencapaian akademik menjadi semakin rendah. Penyesuaian diri pelajar baharu dalam konteks PSAS sememangnya berhubungkait dengan pencapaian akademik. Dapatan ini menyokong kajian lepas yang membuktikan bahawa semakin tinggi penyesuaian pelajar di institusi, maka semakin tinggi pencapaian akademik mereka.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar baharu politeknik mempunyai penyesuaian diri pada tahap yang sederhana. Pihak politeknik dicadangkan untuk menyediakan program yang bersesuaian untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran politeknik terutama bagi penyesuaian sosial. Justeru, kajian lanjut diperlukan melalui pembinaan modul penyesuaian diri bagi pelajar baharu di politeknik dapat dibina bagi memberi peluang kepada usaha memperkasakan pembangunan diri yang lebih teguh. Selain itu, temubual bersama pelajar sangat perlu bagi mendalami cabaran – cabaran yang dialami oleh mereka. Dapatan temubual ini penting bagi membantu pihak politeknik memperbaiki kandungan pengukuhan pelajar dalam program orientasi pelajar baharu di PSAS. Penyesuaian akademik adalah pertimbangan utama yang patut diberikan perhatian oleh pihak politeknik terutamanya kaunselor dan unit Hal Ehwal Pelajar kerana hubungannya yang kuat dengan pencapaian akademik. Pelajar perlu dibantu dalam memperbaiki sikap dan motivasi mereka dalam menghadapi bebanan tugas yang diberikan pensyarah, sebagai sesuatu yang akan membantu mereka dalam peperiksaan dan praktis pekerjaan. Begitu juga terhadap kesungguhan dan kejayaan pelajar dalam memenuhi tugas diberikan pensyarah. Pihak pentadbiran politeknik perlu memperbaiki fungsi, kemudahan dan tenaga kerja bagi meningkatkan tahap kepuasan pelajar ketika berada dalam pengajian. Segala kemudahan yang diberikan institusi, selain persekitaran yang ceria dan menggemirakan, akan menghasilkan pelajar yang hebat secara jasmani, emosi, rohani dan intelek. Bagi pihak pelajar, mereka perlu bersedia bagi menghadapi cabaran yang mendatang dengan bijak menyesuaikan diri dengan segera bagi menghadapi pengkuliahan di politeknik. Mereka perlu yakin dengan diri sendiri, menanam sikap persaingan sihat, selalu bermotivasi, dan berani menghadapi perubahan dalam kehidupan.

RUJUKAN

- Abd. Rahman Yaacob, Ros Aini Ibrahim, Majdi @ Abd Hadi Ishak, & Rashdan Rashid. (2011). Punca stres di kalangan pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). In *PTSS Digest 2011*. Arau: Unit Penyelidikan dan Inovasi PTSS.
- Al-Khatib, B. A., Awamleh, H. S., & Samawi, F. S. (2012). Student's Adjustment to College Life at Albalqa Applied University. *American International Journal of Contemporary Research*, 2(11), 7–16. Retrieved from http://www.aijcrnet.com/journals/Vol_2_No_11_November_2012/2.pdf
- Al-Qaisy, L. (2010). Adjustment of college freshmen: The importance of gender and the place of residence. *International Journal of Psychological Studies*, 2(1), 142–150. Retrieved from <http://ccsenet.org/journal/index.php/ijps/article/viewFile/6327/5074>
- Alavi, M., & Syed Mohamed Shafeq Mansor. (2011). Categories of problems among international students in Universiti Teknologi Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 30, 1581–1587. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.10.307>
- Aldoukalee, S. A. (2013). *An investigation into the challenges faced by Libyan PhD students in Britain: A study of the three universities in Manchester and Salford*. Doctoral Thesis. University of Salford, United Kingdom. Retrieved from http://usir.salford.ac.uk/30757/1/Dr.Salma's_Thesis_pdf.pdf
- Almoallim, H., Aldahlawi, S., Alqahtani, E., Alqurashi, S., & Munshi, A. (2010). Difficulties facing first-year medical students at Umm Alqura University in Saudi Arabia. *Eastern Mediterranean Health Journal*, 16(12), 1272–1277.
- Azahar Fauzi, Mohd Zain Abdul Rahim, & Mohd Azriman Mat Ali. (2009). *Kualiti pengajaran dan pembelajaran dari perspektif pelajar diploma PSMZA – satu tinjauan*. In Seminar Penyelidikan dan Inovasi (pp. 1–11). Terengganu: Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.
- Azar, N. N., & Reshadatjoo, H. (2015). *Adjustment amongst first year students in an Iranian University*. Gazi Univertesi Gazi Egitim Fakultesi Dergisi, 4(4), 1–6.
- Babar, M. G., Syed S. Hasan, Ooi, Y. J., Syed I. Ahmed, Wong, P. S., Siti F. Ahmad, ... Malik. (2015). Perceived sources of stress among Malaysian dental students. *International Journal of Medical Education*, 6, 56–61. <http://doi.org/10.5116/ijme.5521.3b2d>
- Baker, R. W., & Siryk, B. (1984). Measuring adjustment to college. *Journal of Counseling Psychology*, 31(2), 179–189. <http://doi.org/10.1037/0022-0167.31.2.179>
- Baker, R. W., & Siryk, B. (1989). *The Student Adaptation to College Questionnaire (SACQ)*. Los Angeles: California.

- Barnes, W. (2010). The adjustment experience of first-year international undergraduate students in engineering. *Proceedings - Frontiers in Education Conference, FIE*. <http://doi.org/10.1109/FIE.2012.6462245>
- Calaguas, G. M. (2011). Academic achievement and academic adjustment difficulties among college freshmen. *Journal of Arts, Science & Commerce*, 2(3), 221–226.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Asas statistik penyelidikan* (Buku 2). Bentong: McGraw Hill.
- Chua Yan Piaw. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal* (Buku 3). Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research methods in education* (7th ed.). New York: Routledge.
- Credé, M., & Niehorster, S. (2012). Adjustment to College as Measured by the Student Adaptation to College Questionnaire: A Quantitative Review of its Structure and Relationships with Correlates and Consequences. *Educational Psychology Review*, 24(1), 133–165. <http://doi.org/10.1007/s10648-011-9184-5>
- Cura, J. M., & Gozum, J. L. (2011). *A correlational study in the Adversity Quotient® and the mathematics achievement of sophomore students of College of Engineering and Technology in Pamantasan ng Lungsod ng Maynila*. Bachelor Thesis. University of the City of Manila, Intramuros, Manila. Retrieved from http://www.peaklearning.com/documents/PEAK_GRI_gozum.pdf
- Field, A. (2009). *Discovering statistics using SPSS*. London: SAGE Publications.
- Garson, G. D. (2012). *Testing Statistical Assumptions*. Asheboro, NC: Statistical Associates Publishing.
- Ghazal, R. Y. (2012). Major issues in Egyptian higher education: reflections of an Egyptian student. *Comparative & International Higher Education*, 4, 19–21.
- GK Mariappen, Kanammah Manukaram, Rajiv Raj Pusparaju, & Rajesvari Ramasamy. (2012). *Tahap keseimbangan pelajar terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran modul matematik: satu kajian rintis di politeknik Malaysia*. In Seminar Kebangsaan Majlis Dekan - Dekan Pendidikan IPTS 2012 (pp. 1–15). Universiti Teknologi Malaysia.
- Habibah Elias, Nooreen Noordin, & Rahil Mahyuddin. (2010). Achievement Motivation and Self-Efficacy in Relation to Adjustment among University Students. *Journal of Social Sciences*, 6(3), 333–339. <http://doi.org/10.3844/jssp.2010.333.339>

- Jabatan Pengajian Politeknik. (2009). *Hala tuju transformasi politeknik ke arah kelestarian penghasilan modal insan negara*. Putrajaya. Retrieved from http://www.polinilai.edu.my/v2/pdf_content/penerbitan/halatujutransformasipoliteknik.pdf
- Jabatan Pengajian Politeknik. (2012). *Informasi politeknik* Edisi April 2012, 1–67. Retrieved from <http://politeknik.gov.my/dokumen/files/informasi JPP edisi April 2012.pdf>
- Jabatan Pengajian Politeknik. (2013). *Transformasi politeknik: Peningkatan ke arah kecemerlangan* (Fasa dua) (1st ed.). Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Jamaluddin Lantara, Ungku Ahya Ungku Mohamad, & Mustafa Kamal Surif. (2009). *Cabaran dikalangan pelajar luar kampus Politeknik Kuching Sarawak: Satu tinjauan*. In Seminar Cabaran Pendidikan di Politeknik (pp. 1–11). Kuching.
- Leech, N. L., Barrett, K. C., & Morgan, G. A. (2005). *SPSS for intermediate statistics: Use and interpretation* (2nd ed.). Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Lent, R. W., Taveira, M. D. C., Sheu, H. Bin, & Singley, D. (2009). Social cognitive predictors of academic adjustment and life satisfaction in Portuguese college students: A longitudinal analysis. *Journal of Vocational Behavior*, 74(2), 190–198. <http://doi.org/10.1016/j.jvb.2008.12.006>
- Lomax, R. G., & Hahs-Vaughn, D. L. (2012). *An introduction to statistical concepts* (3rd ed.). New York: Taylors and Francis.
- Lu, J., & Short, M. (2012). Learning and living the challenges facing Chinese students in the Australian context. In S. Fan, T. Le, Q. Le, & Y. Yue (Eds.), *Proceeding of International Conference Innovative Research in a Changing and Challenging World* (pp. 108–117). Phuket, Thailand: Australian Multicultural Interaction Institute.
- Lubker, J. R., & Etzel, E. F. (2007). College Adjustment Experiences of First-Year Students: Disengaged Athletes, Nonathletes, and Current Varsity Athletes. *Journal of Student Affairs Research and Practice*, 44(3), 37–41. <http://doi.org/10.2202/1949-6605.1831>
- Malaklolunthu, S., & Selan, P. S. (2011). Adjustment problems among international students in Malaysian private higher education institutions. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 15, 833–837. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.03.194>
- Maria Chong Abdullah, Habibah Elias, Rahil Mahyuddin, & Jegak Uli. (2006). *Masalah penyesuaian: punca pelajar gagal menyempurnakan pengajian di Universiti*. In National Student Development Conference (NASDEC) 2006 (pp. 1–8). Retrieved from http://eprints.utm.my/378/1/MariaChongAbdullah12006_Masalahpenyesuaianpuncapelejargagal.pdf

- Maria Chong Abdullah, Habibah Elias, Rahil Mahyuddin, & Jegak Uli. (2009). Penyesuaian Dalam Kalangan Pelajar Baharu Di Universiti. *Jurnal Majlis Dekan Pendidikan Malaysia*, 3, 63–75.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2009). *Penyelidikan pendidikan* (7th ed.). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Effendi Mohd Matore, & Ahmad Zamri Khairani. (2014). Mengenal pasti cabaran pelajar politeknik di Malaysia menerusi model Rasch. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 10(1), 59–74. Retrieved from http://www.ukm.my/jqma/v10_1/jqma-10-1-paper6.pdf
- Mohd Effendi Mohd Matore, & Ahmad Zamri Khairani. (2015). *Exploring the challenges faced by polytechnic students*. In Mohd Sham Mohamad, Wan Nur Syahidah Wan Yusoff, Nor Aida Zuraimi Md Noar, Roslinazairimah Zakaria, & Mohd Rashid Ab Hamid (Eds.), AIP Conference Proceeding (Vol. 1643.101, pp. 101–107). Pahang, Malaysia: AIP Publishing. <http://doi.org/10.1063/1.4907431>
- Mohd Rafi Yaacob. (2013). *SPSS 20 for Business and Social Science Students*. Kota Bharu: Eduserve Resources.
- Moyer, A., Salovey, P., & Casey-Cannon, S. (1999). Challenges facing female doctoral students and recent graduates. *Psychology of Women Quarterly*, 23, 607–630.
- Mudhovozi, P. (2012). Social and academic adjustment of first-year university students. *Journal of Social Sciences*, 33(2), 251–259. Retrieved from [http://www.krepublishers.com/02-Journals/JSS/JSS-33-0-000-12-Web/JSS-33-2-000-12-Abst-PDF/JSS-33-2-251-12-1278-Mudhovozi-P/JSS-33-2-251-12-1278-Mudhovozi-P-Tx\[11\].pdf](http://www.krepublishers.com/02-Journals/JSS/JSS-33-0-000-12-Web/JSS-33-2-000-12-Abst-PDF/JSS-33-2-251-12-1278-Mudhovozi-P/JSS-33-2-251-12-1278-Mudhovozi-P-Tx[11].pdf)
- Naeeni, N. V., Zuria Mahmud, Amla Mohd Salleh, Salleh Amat, Maros, M., & Morgan, M. M. (2015). Psycho-educational support groups and international university student adjustment in Malaysia: a qualitative inquiry. *Australian Journal of Social Science*, 1(1), 20–33.
- Nasrudin Subhi, Pei, L. C., Salina Nen, Norshaffika Izzaty Zaiedy Nor, Khadijah Alavi, & Norulhuda Sarnon. (2011). Penyesuaian Diri dan Cara Gaya Tindak Pelajar Sabah dan Sarawak. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14(69), 69–80.
- Nik Mustapha Abdullah. (2007). *Institusi pengajian tinggi penjana pembangunan modal insan kelas pertama*. In Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi (CTHLE07) (pp. 1–14). Seri Kembangan: Universiti Putra Malaysia.
- Noremy Che Azemi, & Fadilah Mat Assain. (2010). *Tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Politeknik Port Dickson (PPD) bagi sesi Disember 2010*. In Seminar Penyelidikan dan Inovasi (pp. 1–11). Negeri Sembilan: Politeknik Port Dickson.

- Norfadila Mohd Noor, Mohd Noor Hashim, & Azmi Yusoff. (2011). *Penglibatan pensyarah dalam program sangkutan industri pensyarah (SIP): satu kajian kes di Politeknik Kota Bharu (PKB)*. In Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (CIETVT) (pp. 1–8). Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Norhasni Zainal Abiddin, & Affero Ismail. (2011). Attrition and Completion Issues in Postgraduate Studies for Student Development. *International Review of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 15–29.
- Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis using SPSS* (4th ed.). Crows Nest NSW: Allen & Unwin.
- Raju, M. V. R., & Rahamtulla, T. K. (2007). Adjustment Problems among School Students. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology*, 33(1), 73–79.
- Ramler, T. R., Tennison, L. R., Lynch, J., & Murphy, P. (2015). Mindfulness and the College Transition: The Efficacy of an Adapted Mindfulness-Based Stress Reduction Intervention in Fostering Adjustment among First-Year Students. *Mindfulness*, 1–10. <http://doi.org/10.1007/s12671-015-0398-3>
- Ramsay, S., Jones, E., & Barker, M. (2007). Relationship between adjustment and support types: Young and mature-aged local and international first Year university students. *Higher Education*, 54(2), 247–265. <http://doi.org/10.1007/s10734-006-9001-0>
- Rienties, B., Beusaert, S., Grohnert, T., Niemantsverdriet, S., & Kommers, P. (2012). Understanding academic performance of international students: The role of ethnicity, academic and social integration. *Higher Education*, 63(6), 685–700. <http://doi.org/10.1007/s10734-011-9468-1>
- Roselind Wan, Shahrina Md. Nordin, & Radzuan Razali. (2013). *International students' cultural experiences: exploring socio-cultural and academic adjustment in Malaysian universities*. In H. Fujita & J. Sasaki (Eds.), *Proceedings of the 12th International Conference on Education and Educational Technology (EDU '13)* (pp. 31–37). Morioka City, Iwate, Japan: World Scientific and Engineering Academy and Society Press.
- Rowntree, D. (1981). *Statistics Without Tears: A Primer for non-Mathematicians*. London: Penguin.
- Sahul Hamed Abd Wahab, Mohd Amin Zakaria, & Mohd Ali Jasmi. (2010). *Transformational of Malaysian's Polytechnic into University College in 2015: Issues and Challenges for Malaysian Technical and Vocational Education*. In 1st UPI International Conference on Technical and Vocational Education and Training (pp. 570–578). Bandung: Universitas Pendidikan Indonesia.

- Sanmugam, S. T., Rajanthran, N., & Nurul Wahida Zainol. (2012). *Exploring english language needs of polytechnic engineering students: a need analysis*. In Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi (SKPI) (pp. 230–238). Tanjong Malim: Politeknik Sultan Azlan Shah.
- Sherina Mohd Sidik, Rampal, L., & Kaneson, N. (2003). Prevalence of emotional disorders among medical students in a Malaysian university. *Asia Pacific Family Medicine*, 2, 213–217. <http://doi.org/10.1111/j.1444-1683.2003.00089.x>
- Siti Nor Amira Baharudin, Munira Murad, & Nur Hana Hj Mat. (2013). Challenges of Adult Learners: A Case Study of Full Time Postgraduates Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 90, 772–781. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.07.151>
- Siti Nuur Haziratul Ghazali. (2012). *Faktor -faktor yang mempengaruhi stres dalam kalangan pelajar kursus secara sambilan (KSS) bidang kejuruteraan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)*. Bachelor Thesis. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from <http://merr.utm.my/7214/>
- Stoltz, P. G., & Weiheymayer, E. (2010). *The adversity advantage: turning everyday struggles into everyday greatness* (2nd ed.). New York: Fireside.
- Wangeri, T., Kimani, E., & Mutweleli, S. M. (2012). Transitional challenges facing university first year students in Kenyan public universities: a case of Kenyatta University. *Interdisciplinary Review of Economics and Management*, 2(2), 41–50.
- Wenhua, H., & Zhe, Z. (2013). International students' adjustment problems at university: a critical literature review. *Academic Research International*, 4(2), 400–406.
- Wu, H., Garza, E., & Guzman, N. (2015). International Student's Challenge and Adjustment to College. *Education Research International*, 1–9. <http://doi.org/http://dx.doi.org/10.1155/2015/202753>
- Yang, S., Salzman, M., & Yang, C. (2015). Exploring the Adjustment Problems among International Graduate Students in Hawaii. *Universal Journal of Educational Research*, 3(3), 214–219. <http://doi.org/10.13189/ujer.2015.030307>
- Zainap Lamat, Normah Jainuddin, & Canarisa Nipi Ah Lian. (2012). *Cadangan menyediakan kemudahan perkhidmatan bas kepada pelajar Politeknik Sarawak*. In Seminar Penyelidikan dan Inovasi 2012 (pp. 1–26). GIATMARA Kuching dan Politeknik Kuching.

Profil Penulis :***Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore, Ph.D****Pensyarah Kanan**Jabatan Kepimpinan dan Polisi Pendidikan**Fakulti Pendidikan, UKM, Bangi**effendi@ukm.edu.my****Ahmad Zamri Khairani, Ph.D****Pensyarah Kanan**Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan**Universiti Sains Malaysia**ahmadzamri@usm.my*